

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 04 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan guru-guru dapat menghabiskan silibus pengajaran tahunan dan pelajar-pelajar dapat memahami kandungan silibus ini dengan baik dalam situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara kita. **Rujukan:** *Keputusan KPM tutup sekolah berdasarkan penelitian data dan perbincangan.*

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan khususnya apabila negara dilanda pandemik COVID-19. Dalam usaha memastikan guru dapat menghabiskan silibus, KPM telah melaksanakan penjajaran kurikulum semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Ini melibatkan penyusunan semula kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran.

Melalui penjajaran kurikulum ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun (blended learning). Pembelajaran teradun melibatkan penggabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur. KPM turut melaksanakan kunjung bantu ke sekolah untuk memberi bimbingan kepada guru berdasarkan kepada kurikulum yang diwajibkan dalam tempoh persekolahan yang berbaki bagi tahun 2020.

Selain itu, KPM juga telah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum, selaras dengan pembelajaran norma baharu. Pelbagai kaedah dan pendekatan boleh digunakan oleh guru untuk melaksanakan PdPR seperti menggunakan platform DELIMa, TV Pendidikan, EduwebTV (koleksi video) dan Cikgootube. Malah, guru juga boleh menyediakan pek pembelajaran dengan pelbagai maklumat serta aktiviti yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh murid di rumah.

Di samping itu, pelbagai bahan sokongan berbentuk digital dan mod pembelajaran dalam talian yang mudah diakses melalui DELIMa telah dipertingkatkan bagi membantu guru dan murid dalam pelaksanaan PdP.

NO. SOALAN : 26

Bagi mengukuhkan penguasaan murid, pentaksiran dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai kaedah seperti tugas, kerja projek dan sebagainya. Pentaksiran membolehkan guru merancang dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain itu, KPM telah mengambil inisiatif meminda takwim persekolahan tahun 2020 dengan memaksimumkan tempoh hari persekolahan dan mengubah cuti akhir tahun. Perubahan takwim ini dapat membantu guru memperoleh tempoh yang mencukupi untuk menghabiskan silibus tahunan yang telah dirancang dan membolehkan murid mempunyai tempoh pembelajaran yang mencukupi sebagai persediaan pembelajaran tahun berikutnya.

KPM juga telah meminda jadual peperiksaan awam tahun 2020 kepada awal tahun 2021 bagi membolehkan murid mempunyai tempoh pembelajaran yang mencukupi dan dapat membuat persediaan rapi sebelum menduduki peperiksaan tersebut.

KPM akan sentiasa berusaha untuk memastikan murid dapat terus mengikuti pembelajaran dengan pelbagai pendekatan, terutamanya dalam keadaan yang mencabar ini. Dalam hal ini, KPM amat menghargai peranan guru dan ibu bapa untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan baik.

Sekian, terima kasih.